

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 1 December, 2019 10:14 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUMILC Bincang Impak IR 4.0 Kepada Bidang Undang-Undang



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 DISEMBER 2019 / 4 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUMILC BINCANG IMPAK IR 4.0 KEPADA BIDANG UNDANG-UNDANG



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Sejak teretus Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), dunia kini berdepan dengan cabaran baharu yang meresap ke dalam semua sektor perkhidmatan dan perindustrian negara, tidak ketinggalan disiplin undang-undang yang menuntut perubahan agar seiring transformasi digital.

Perubahan itu secara tidak langsung akan memberi kesan kepada masa hadapan dunia termasuk Malaysia yang memerlukan persediaan dibuat dalam menghadapi revolusi digital ini.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof berkata, IR 4.0 adalah satu fenomena yang dicipta oleh Klaus Schwab yang berpandukan kepada teknologi yang mana ia menghilangkan garisan antara dunia fizikal, digital dan biologi.

Menurutnya, keadaan ini telah memberi impak kepada manusia sama ada tua atau muda, jantina, agama dan perbezaan kaum, akhirnya ia memberi kesan kepada semua disiplin undang-undang, ekonomi dan industri secara keseluruhan.

“Di Parlimen sendiri, isu-isu yang berkaitan dengan IR 4.0 dan kesannya yang meluas sering timbul semasa sesi soal dan perdebatan.

“Sehubungan itu, saya mengalu-alukan penganjuran persidangan seperti ini diadakan di dalam Parlimen kerana ia telah menjadi sebahagian agenda pembaharuan berterusan untuk membolehkan penglibatan ramai dalam perkara yang memberi kesan kepada undang-undang,” katanya pada Perasmian Persidangan Antarabangsa Undang-undang UUM Ke-10 2019 (UUMILC 2019) di Parlimen, Jumaat lalu.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, UUMILC adalah kesinambungan kejayaan penganjuran sembilan persidangan lalu oleh Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) yang mensasarkan untuk menjadi satu platform berjaya kepada sarjana dan intelektual dari pelbagai bidang dan disiplin untuk berdebat serta membincangkan isu kontemporari di seluruh dunia.

Katanya, persidangan itu juga menyediakan tempat kepada ahli akademik, penyelidik, pelajar dan pengamal undang-undang dari jauh dan dekat untuk berkongsi pengalaman dalam sebarang isu undang-undang semasa.

“Memandangkan undang-undang adalah tulang belakang dalam kehidupan kita, ia juga perlu dibangunkan bersama dengan kemajuan teknologi kini.

“Oleh itu, tema ‘*Law, Government & Society: Addressing The Challenges of IR 4.0*’ adalah bersesuaian dengan persidangan kali ke-10 ini yang mana ia menggambarkan persimpangan antara undang-undang, kerajaan dan masyarakat dalam menghadapi prospek dan cabaran IR 4.0,” katanya yang mewakili Naib Canselor.

Pada majlis itu, Profesor dari Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Prof. Dr. Ida Madieha Abdul Ghani Azmi turut menyampaikan ucap tama beliau bertajuk ‘*Industrial Revolution 4.0 and Challenges To Legal Education*’.

Kesempatan berada di Parlimen juga membolehkan sekretariat bertemu dengan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik dan Timbalannya, Teo Nie Ching.

UUMILC 2019 yang berlangsung selama dua hari mulai 29 November anjuran SOL dengan kerjasama Parlimen itu menjadi platform untuk membahaskan dan membincangkan semua aspek undang-undang dengan penekanan kepada isu-isu kepelbagaian undang-undang.

Hadir sama, Dekan SOL, Dr. Rohana Abdul Rahman dan Pengarah UUMILC 2019, Dr. Yuhanif Yusof.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.